

Bina Puri raih kontrak Pakistan

Projek RM864j bina lebuh raya 28 tahun bukti kewibawaan syarikat

Oleh Ahmad Farizal Hajat
ahmadfarizal@bharian.com.my

BINA Puri Holdings Bhd (Bina Puri) mengembangkan lagi perniagaannya pada peringkat antarabangsa apabila memperoleh kontrak pembinaan dan konsesi Lebuhraya Karachi-Hyderabad Motorway (M-9) di Pakistan bernilai RM864 juta.

Konsesi lebuh raya bagi tempoh 28 tahun itu diperoleh kumpulan berkenaan menerusi anak syarikatnya di Pakistan, Bina Puri Pakistan (Pte) Ltd.

Kumpulan berkenaan juga dijangka dapat menyiapkan kerja pembinaan lebuh raya berkenaan dalam tempoh 30 bulan.

Dengan pemerolehan kontrak itu, ia meningkatkan nilai tempahan projek dalam tangan kumpulan itu kepada RM2.31 bilion.

Mengulas perkembangan itu, Pengerah Urusan Kumpulannya, Tan Sri Tee Hock Seng, berkata kejayaan kumpulan itu meraih projek konsesi itu membuktikan kewibawaan serta kemampuan kontraktor Malaysia bersaing dalam tender antarabangsa.

"Bina Puri memenangnya selepas mengemukakan cadangan terbaik dari segi teknikal dan kewa-



Projek M-9 itu turut memperlihatkan satu lagi pencapaian kedua Bina Puri dalam mengambil bahagian menerusi projek berkonsepkan BOT, selepas membuktikan menerusi projek KL-Kuala Selangor Expressway Bhd (Latar Expressway)

Tee Hock Seng
Pengerah Urusan Kumpulan Bina Puri

ngan (berbanding pembida antarabangsa lain).

"Dengan projek itu ia turut membantu kumpulan membina hubungan yang baik dengan Kerajaan Pakistan, pada masa sama memberi manfaat dari segi ekonomi dan geografi kepada penduduk tempatan," katanya dalam kenyataan di Kuala Lumpur semalam.

Kumpulan itu, menerusi Bina Puri Pakistan memeterai perjanjian konsesi berkenaan dengan Pihak Berkuasa Lebuhraya Pakistan di Islamabad, Isnin lalu.

Tee berkata, di bawah projek M-9 itu, ia antara lain membolehkan kerja menaik taraf laluan empat lorong di Lebuhraya Karachi-Hyderabad kepada enam lorong membolehkan laluan kenderaan sepanjang 136 kilometer dan akan dilaksanakan menerusi konsep bina-kendali-pindah (BOT).

"Projek M-9 itu turut memperlihatkan satu lagi pencapaian kedua Bina Puri dalam mengambil bahagian menerusi projek berkonsepkan BOT, selepas membuktikan menerusi projek KL-Kuala Se-

langor Expressway Bhd (Latar Expressway)," katanya sambil menambah kumpulan menjangkakan majlis pecah tanah projek itu akan dilakukan sekitar Mac ini.

Lebuhraya Karachi-Hyderabad ialah laluan masuk utama ke Pakistan dan antara lebuh raya yang sering digunakan, susulan peranan Karachi sebagai bandar pelabuhan tunggal negara itu.

Sepanjang jajaran laluan itu, ia mempunyai tujuh persimpangan, dua kawasan perkhidmatan henti dan rawat dan enam belas plaza tol.

"Bina Puri kini sedang berunding dengan sumber pembiayaan kumpulan bagi memuktamadkan dana kewangan membiayai projek berkenaan, yang mana ia perlu diperolehi dalam tempoh enam bulan dari tarikh perjanjian konsesi itu dimeterai," katanya.

Tahun lalu, Bina Puri memperoleh projek pembinaan di Pakistan membolehkan kontrak membina 174 unit vila di Defence Raya Golf & Country Club untuk Defense Housing Authority (DHA) di Lahore bernilai RM85 juta.

Kumpulan itu pada 2010, turut menyiapkan pembinaan Kilang Cat Nippon di Ferozefur Road, Lahore dengan jumlah kontrak sebanyak RM16.5 juta.